

Majlis Presiden PH kekal calonkan Anwar sebagai PM

“Justeru, kami berpandangan sekiranya berlaku Pilihan Raya Umum sebelum tamat tempoh lima tahun, maka kerajaan negeri yang ditadbir PH, sewajarnya diteruskan dan tidak dibubarkan.”

Kuala Lumpur: Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) komited dengan pendirian asalnya untuk mencalonkan Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai calon Perdana Menteri sekiranya gabungan itu kembali membentuk kerajaan pada peringkat Persekutuan.

Majlis Presiden PH turut memberikan mandat penuh kepada Presiden PKR itu untuk meneruskan perbincangan dengan semua pihak, termasuk Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, dalam usaha mengembalikannya mandat rakyat dan PH sebagai Kerajaan Persekutuan.

“Kami berpendirian, semua usaha ke arah pengembalian mandat rakyat perlu dijalankan dan memerlukan sokongan semua pihak,” demikian kata kenyataan bersama dikeluarkan PKR, Parti Amanah Negara (AMANAH) dan DAP, semalam.

Pada masa sama, majlis itu turut membincangkan cadangan pencalonan Shafie yang juga Presiden Parti Warisan Sabah (WARISAN) sebagai calon perdana menteri.

Menurut kenyataan itu, mereka juga konsisten dengan pendirian bahawa fokus Kerajaan Persekutuan dan negeri adalah untuk membantu rakyat pasca penularan wabak COVID-19.

“Justeru, kami berpandangan

sekiranya berlaku Pilihan Raya Umum sebelum tamat tempoh lima tahun, maka kerajaan negeri yang ditadbir PH, sewajarnya diteruskan dan tidak dibubarkan,” kata kenyataan itu.

Ketika ini, PH mentadbir tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan, manakala Sabah ditadbir WARISAN yang menyokong PH.

Majlis Presiden PH turut memutuskan secara sebulat suara

menolak usul Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, untuk mengugurkan Tan Sri Mohammad Ariff Md Yusof sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Timbalan Setiausaha Agung DAP, Nga Kor Ming sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.

BERNAMA

BH - 7/7/2020 m/s: 8



wang asing (forex) bagi membolehkan negara kita menguasai pasaran dunia serta keharmonian. “Saya tiada masalah membuat keputusan kerana dalam jawatan Menteri Kewangan, itu kena insaf dengan rakyat. “Ini (siasatan) tidak hanya terbatal kepada forex, tetapi semua yang sahkan penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA), Tabung Berhad (TABUNG) dan sebagainya.”



ANWAR dan DAP mengambili Mahathir selepas pertemuan tidak resmi, cadangan menamatkan Shafie sebagai calon haharu Perdana Menteri.

Laporan BH isu calon Perdana Menteri Pakatan Harapan.